

Lebih baik presiden Umno pegang duit, daripada proksi, kata Rahman Dahlan
The Malaysian Insider
August 5, 2015

Lebih baik bagi presiden Umno memegang aset dan wang parti dalam akaunnya sendiri daripada meletakkannya di bawah proksi, kata Ketua Komunikasi Strategik Barisan Nasional (BN) Datuk Abdul Rahman Dahlan.

Menteri perumahan, kerajaan tempatan dan kesejahteraan bandar itu berkata, beliau lebih "rela, selesa, dan yakin" dengan cara itu kerana ia lebih menjamin keselamatan dibandingkan jika wang itu diletakkan dalam simpanan proksi.

Katanya, sewaktu zaman presiden terdahulu, beliau lebih "risau" kerana duit dan harta Umno diletakkan dalam akaun proksi yang terdiri daripada individu seperti ahli perniagaan atau mereka yang tiada kaitan dengan parti.

"Tun Dr Mahathir Mohamad sendiri mengatakan duit dan harta yang dia beri kepada Tun Abdullah Ahmad Badawi (sewaktu peralihan kuasa), sebanyak RM1.4 bilion, itu bukan semuanya.

"Dia masih lagi nak mencari individu-individu yang memegang harta Umno, untuk diambil semula, dan dia mempunyai masalah bila masa untuk mengambil semula harta tersebut.

"Jadi, saya lebih yakin kalau ia diletakkan di bawah nama atau akaun presiden sendiri," katanya dalam satu temu bual dalam program Lanskap Khas TV1 malam tadi, bercakap mengenai tajuk "Dana Politik".

Program itu diadakan di tengah-tengah kontroversi yang melibatkan dakwaan kira-kira AS\$700 juta (RM2.6 bilion) didepositkan ke dalam akaun Datuk Seri Najib Razak, sejumlah besar daripadanya dipindahkan menjelang pilihan raya umum pada Mei 2013.

Pada Isnin, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengesahkan wang itu masuk ke akaun perdana menteri, tetapi ia disumbangkan penderma, bukannya daripada syarikat milik negara yang sarat hutang, 1Malaysia Development Bhd (1MDB).

Rahman berkata, kontroversi itu mencetuskan perbincangan yang "baik" untuk merumuskan peraturan masa depan berhubung pembiayaan politik.

Katanya, beliau "bersyukur" mempunyai seorang presiden yang mampu mendapatkan dana untuk parti, menegaskan penderma tersebut membuat sumbangan tanpa mengharapkan balasan.

Rahman juga berkata, bukan sesuatu yang pelik jika Najib perlu berbelanja lebih untuk parti dibandingkan pemimpin terdahulu kerana beliau mengetuai BN ketika ia

tidak lagi memerintah negeri-negeri utama di Malaysia.

Katanya, Najib sebagai presiden Umno dan pengerusi BN perlu dana yang besar untuk menyokong parti itu di seluruh negara kerana di bawah pentadbirannya, parti itu tidak lagi memerintah Selangor dan beberapa negeri lain.

"Dulu, semua perdana menteri ada Selangor di bawah mereka. Tetapi dalam kes Najib, beliau perlu menyalurkan wang untuk memastikan Umno di Selangor boleh terus berjalan," katanya.

Katanya, beliau tidak merasakan sesuatu yang "luar biasa" sejumlah wang sebanyak RM2.6 bilion akan diperlukan untuk membiayai parti, walaupun beliau tidak percaya keseluruhan dana itu digunakan untuk pilihan raya.

"Ia mungkin digunakan untuk aktiviti parti lain dan program tanggungjawab sosial korporat," kata Rahman. – 5 Ogos, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/lebih-baik-presiden-umno-pegang-duit-daripada-proksi-kata-rahman-dahlan>